

15/04/2000

Maha 2000 mampu tingkat kegiatan pertanian moden

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan 2000 (Maha 2000) Julai ini, diharap mampu menghasilkan produk dan teknologi terkini untuk meningkatkan kegiatan pertanian moden di negara ini.

Sehubungan itu, Kementerian Pertanian akan memastikan Maha 2000 mendapat penyertaan lebih ramai pelabur baru, khususnya tempatan dan luar negara, berbanding tahun lalu.

Menterinya, Datuk Mohd Effendi Norwawi, berkata pameran Maha 2000 juga bakal menjadi medan peserta mempamerkan produk bermutu dan jentera serta teknologi terkini dalam bidang berkenaan.

Katanya, pihaknya juga berharap Maha 2000 dapat menarik pengunjung dari seluruh dunia dan mampu mencatat nilai jualan lebih tinggi.

"Tahun lalu, pameran itu berjaya menarik lebih dua juta pengunjung serta mencatat jualan kira-kira RM5 juta.

"Saya berharap, pameran Maha 2000 itu akan mencatat kejayaan lebih cemerlang dalam bidang berkenaan dan mampu meningkatkan imej Malaysia pada peringkat antarabangsa.

"Apa yang lebih penting, hasrat kementerian untuk membentuk visi baru bagi menjana pertanian daripada bercorak tradisional kepada moden dengan skala besar serta menjadi satu industri berdaya saing," katanya selepas majlis pelancaran Maha 2000 di Pusat Dagangan Dunia Putra, hari ini.

Pameran yang akan diadakan mulai 22 hingga 30 Julai, di Stadium Putra, Bukit Jalil itu, dijangka disertai 300 syarikat tempatan dan antarabangsa dalam bidang pertanian.

Pelbagai produk hasil pertanian, jentera dan teknologi pertanian dipamerkan, termasuk Pesta Buah-buahan sebagai satu acara baru.

Beberapa syarikat swasta termasuk Kumpulan Permodalan Nasional Bhd dan Kumpulan Sime Darby Bhd turut memberi kerjasama menjayakan pameran itu, selepas diwujudkan semula tahun lalu. Tahun terakhir ialah pada 1968.

Beliau berkata, pihaknya juga menjemput pelabur tempatan dan luar negara menyertai satu seminar yang akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Inilah masa paling tepat kepada peserta untuk mempamerkan produk dan peralatan masing-masing bagi menarik perhatian pelabur baru di bidang itu," katanya.

Selain itu, Effendi berkata, kementerian juga berharap pameran itu dapat menarik dan membuka minda golongan muda membabitkan diri dalam bidang pertanian secara moden.

Katanya, ketika ini, Kementerian Pertanian sudah mengadakan projek perintis melatih golongan muda untuk menceburi bidang pertanian moden, di Pahang.

(END)